

► Pelancaran Chapter Alumni UMS Zon Sandakan satu sejarah Wadah perkongsian pengalaman

UB 3.8.2013 B4

PENGURUSAN alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menempa sejarah apabila Chapter Alumni (UMS) Zon Sandakan telah dilancarkan oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang diwakili oleh timbalan beliau untuk Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kassim Hj Mansur dalam Majlis Bersama Alumni dan Pelancaran Chapter berkenaan pada 27 Julai 2013 di Dewan Serbaguna Sekolah Pertanian Lestari (SPL), UMS Kampus Sandakan.

Majlis itu yang dianjurkan oleh Pusat Alumni UMS dengan kerjasama Sekolah Pertanian Lestari (SPL) UMS Kampus Sandakan telah menghimpunkan kira-kira 120 orang hadirin terdiri para alumni dan juga warga kerja SPL.

Dalam ucapan pelancarannya, Kassim menyatakan majlis itu sebagai peristiwa yang amat signifikan dalam lipatan sejarah UMS.

"Majlis hari ini merupakan satu sejarah penting bagi UMS kerana sejak hampir 19 tahun UMS ditubuhkan, barulah Chapter Alumni UMS Zon Sandakan dibentuk dan dilancarkan," katanya.

"Saya difahamkan oleh pihak Pusat Alumni bahawa daripada 40,000 alumni dalam rekod pangkalan data kita, lebih 1,000 alumni



SANTY Karim menerima Watikah Pelantikan sebagai Ketua Alumni UMS: Zon Sandakan daripada Prof Madya Dr Mahmud, sambil diperhatikan oleh Dr Siti Raehanah, Dekan SPL.

UMS berada di daerah-daerah sekitar Sandakan seperti Kinabatangan, Beluran, Telupid dan Bandar Sandakan sendiri.

"Mereka kini bertugas sebagai modal insan terlatih yang menyumbang kepada kemajuan majikan mereka baik sebagai guru, pegawai perladangan, pengurusan, teknikal, kejuruteraan dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau menyeru agar para alumni sudi kembali bersama-sama membantu UMS, berkongsi pengalaman sebagai aset penting dalam menyumbang ke arah memperkasakan lagi UMS sebagai bekas alma mater mereka, di mana mereka pernah menuntut ilmu dan kini berjaya di dalam hidup mereka.

Terdahulu dalam ucapan aluannya, Pengarah Pusat Alumni UMS, Lt Kol Bersekutu (PA) Prof Madya Dr Mahmud Hj Sudin menyebut tentang pentingnya sumbangan dan saranan alumni, yang kini berada di dunia kerjaya realiti, dalam memperkasakan lagi UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang berkualiti.

"Kita boleh mengambil contoh universiti-universiti ternama seperti Harvard, Oxford dan lain-lain, begitu juga universiti-universiti tempatan seperti UPM, UiTM dan lain-lain yang sumbangan para alumninya digembleng baik dalam pemeraksanaan universiti, baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran,



KASSIM menandatangani Buku Kehadiran sebagai tanda pelancaran Chapter Alumni UMS: Zon Sandakan sambil diperhatikan oleh Mahmud (dua dari kanan) dan Siti Raehanah.

penambahbaikan kurikulum, pemeraksanaan bidang masing-masing, kebolehpasaran graduan muda mahupun pelaburan dan peluang-peluang keusahawanan,"

katanya.


Dalam majlis berkenaan juga, Santy Karim dan Mohd Saiful Abdul Manap masing-masing dipilih sebagai ketua dan penolong ketua bagi



PENGARAH Pusat Alumni Prof Madya Dr Mahmud Hj Sudin menyampaikan cenderamata kepada Prof Madya Datuk Dr Kassim Mansur TNC HEPA yang mewakili Naib Canselor UMS.



KASSIM menyampaikan sumbangan Alumni kepada wakil Pertubuhan Amal Cahaya Kasih.



KASSIM menyampaikan sumbangan kepada wakil Pusat Orang Buta Sabah.

Chapter Alumni UMS Zon Sandakan bagi tempoh 2013-2014.

Dalam ucapannya sulungnya, Santy berterima kasih atas kepercayaan para alumni ke atas beliau dan akan berusaha dengan sebaiknya bagi mencapai

objektif dan kejayaan semua.

Dekan SPL, Dr Sti Raehanah Mohd Shalleh juga berterima kasih atas pemilihan SPL sebagai tempat peristiwa bersejarah itu serta turut memberi kata perangsang kepada para alumni.

Majlis itu disusuli dengan Tazkirah Ramadan oleh Ustaz Bunyamin (yang juga alumni UMS) sebelum diserikan dengan berbuka puasa.

Di samping itu, Kassim juga menyampaikan sumbangan Pusat Alumni kepada wakil dari dua buah badan kebajikan iaitu Pertubuhan Amal Cahaya Kasih bagi anak-anak yatim dan juga Pusat Orang Buta Sabah. Turut hadir Timbalan Dekan P&I SPL, Dr Muhammadu Boyie Jaloh, Dr Rahim Awang, Pengetua Kolej Kediaman Lestari, Penolong Pendaftar, Roslan Hj Gimba dan para kakitangan akademik SPL.



PARA alumni dan warga SPL beratur mengambil juadah untuk berbuka puasa.



HADIRIN sedang menikmati juadah berbuka puasa.